

Tanaman musnah dilanda angin kencang

Dua pesawah kerugian RM20,000

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

UM/21.7.201/APB--Parauian.

ARAU: Kira-kira dua minggu lagi, **Fadzil Asmuni**, 70, sepatutnya boleh menuai padi yang diusahakan di kawasan seluas satu hektar di Kampung Belat Batu di sini.

Namun, usaha tekun warga emas itu sejak empat bulan lalu menjadi sia-sia selepas tanamannya musnah sekelip mata akibat angin kencang serta hujan lebat pada malam, Selasa lalu.

Fadzil kini hanya mampu melihat keseluruhan padinya 'menyembah bumi' dengan kerugian dianggarkan RM10,000.

"Pada pukul 10 malam Selasa lalu, hujan sangat lebat dengan angin kencang. Pada sebelah pagi (semalam), seperti biasa, saya pergi meninjau bendang dan terkejut melihat kesemua padi rebah.



KEADAAN padi yang musnah akibat angin kencang dan hujan lebat di Kampung Belat Batu, Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

"Tidak ada yang boleh diselamatkan. Ketika itu saya cukup sedih. Bayangkan kira-kira dua

minggu lagi, pertengahan Ogos, saya boleh menuai hasil.

"Sudahlah hendak raya (Ai-

diladha), jadi pula kejadian seperti ini, sungguh memeritkan. Hilang semangat melihat usaha

kita selama ini musnah sekelip mata," katanya ketika ditemui di sini hari.

Seorang lagi pesawah, **Ismail Kasa**, 67, pula reda meskipun 80 peratus padinya di kawasan seluas 1.3 hektar di Utan Kandis sini, turut musnah dalam kejadian itu.

Katanya, pesawah perlu berhadapan pelbagai risiko seperti penyakit dan faktor cuaca sebelum berjaya menuai hasil.

"Saya reda, bukan rezeki musim ini, namun saya tidak patah semangat untuk mengusahakan sawah pada musim depan.

"Selalunya, dua atau tiga tahun sekali masalah seperti ini berlaku dan pesawah perlu bersedia," katanya yang kerugian sekitar RM10,000.

Ismail berharap, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) turun padang membantu pesawah yang terjejas berikutan kejadian itu.